

02 OCT 2002

Kayveas-Bangsa/I

KAYVEAS TAHU CARA WUJUDKAN BANGSA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PP), Datuk M. Kayveas, mempunyai cara untuk mewujudkan Bangsa Malaysia pada perhimpunan agung parti di sini, Ahad ini.

Beliau berkata formula PPP mewujudkan bangsa Malaysia adalah berasaskan ucapan-ucapan pengasas Umno Datuk Onn Jaafar dan pengasas PPP, adik beradik Seeni Vasagam dari Ipoh.

"Kita sering bercakap tentang Bangsa Malaysia tetapi tiada siapapun yang memberi sebarang idea untuk mewujudkannya," katanya kepada pemberita sebelum mesyuarat majlisi tertinggi parti di ibupejabat PPP, di sini, hari ini.

Beliau berkata perhimpunan agung PPP juga akan membincangkan permohonan parti mendapatkan peruntukan kerusi daripada Barisan Nasional pada pilihan raya umum akan datang.

PPP mahukan 12 kerusi Parlimen dan 21 kerusi Dewan Undangan Negeri, katanya.

Pada masa ini, PPP tidak mempunyai kerusi langsung di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Kayveas berkata perhimpunan agung itu adalah yang terbesar pernah dianjurkan parti sejak penubuhannya pada 1953 dengan 3,155 anggota perwakilan dan pemerhati dijangka menghadirinya.

Perhimpunan agung itu, yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga akan menyaksikan pembentangan 19 resolusi.

Antara isu yang dibangkitkan dalam resolusi itu ialah pekerja asing, globalisasi, penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains serta peruntukan kerusi pada pilihan raya umum akan datang.

Kayveas berkata PPP juga mengutuk layanan terhadap warganegara Malaysia di lapangan terbang di Amerika Syarikat.

Bagi negara yang kononnya mendukung kebebasan bersuara, katanya Amerika bertindak bertentangan dengan apa yang dikatakannya.

Menurutnya Amerika menunjukkan contoh yang tidak baik kepada negara-negara lain tanpa mengira norma dan peraturan antarabangsa.

-- BERNAMA

SN MAM NAK